

17/09/2002

Dr M diminta tanding pilihan raya

KANGAR, Isnin - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad diminta terus bertanding pada pilihan raya umum akan datang.

Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim, berkata walaupun ahli Umno akur keputusan Dr Mahathir untuk bersara Oktober tahun depan, beliau perlu meneruskan tugasnya sebagai Ahli Parlimen.

"Elok beliau teruskan (bertanding) di Kubang Pasu. Jika beliau tidak mahu bertanding di Kubang Pasu saya syorkan ke Parlimen Putrajaya," katanya kepada pemberita selepas majlis penyerahan jaket pemantul cahaya oleh Pemangku Raja Perlis Tuanku Syed Faizuddin Syed Sirajuddin kepada pelajar Sekolah Kebangsaan Sena, di sini, hari.

Shahidan mengulas pengumuman Dr Mahathir Jumaat lalu bahawa beliau tidak akan bertanding pada pilihan raya umum akan datang tetapi akan terus membantu Barisan Nasional (BN).

Menteri Besar berkata, Dr Mahathir wajar bertanding lagi bukan kerana imejnya sebagai Perdana Menteri tetapi dirinya sendiri yang dilihat sebagai lambang kebanggaan rakyat.

"Saya minta janganlah beliau berhenti begitu sekali gus," katanya.